

SOALAN -SOALAN LAZIM PROGRAM 'AUTOMATIC BALANCE CONVERSION (ABC)

1: Apa itu Program 'Automatic Balance Conversion' (ABC)?

Program 'Automatic Balance Conversion' (ABC), merupakan program yang membolehkan Bank Rakyat membuat penukaran jumlah baki prinsipal tertunggak Pemegang Kad (transaksi runcit **DAN** pengeluaran tunai) secara automatik kepada bayaran ansuran bulanan selama 36 bulan dengan kadar keuntungan 13% setahun @ 1.08% sebulan. Program ini **HANYA** akan ditawarkan kepada Pemegang Kad Kredit-i yang **TERPILIH** oleh Bank Rakyat berdasarkan kriteria yang ditetapkan di dalam Terma & Syarat Program ABC. Bank Rakyat akan memaklumkan Pemegang Kad yang layak melalui SMS, emel atau lain-lain saluran komunikasi yang difikirkan sesuai oleh Bank Rakyat.

2: Apakah kelayakan untuk LAYAK menyertai program ABC ini?

Kriteria kelayakan adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Jumlah pendapatan tahunan **TIDAK** melebihi RM60,000 setahun atau RM5,000 sebulan (berdasarkan jumlah pendapatan tahunan terakhir yang terdapat di dalam rekod Bank Rakyat).
- iii. Tidak membuat pembayaran penuh secara konsisten bagi baki tertunggak dalam tempoh 12 bulan sebelum; dan
- iv. Purata bayaran bulanan adalah 10% atau kurang daripada jumlah baki tertunggak dalam tempoh 12 bulan sebelum.
- v. Jumlah baki tertunggak semasa (transaksi runcit dan pengeluaran tunai) minimum adalah RM1,000.
- vi. Akaun Kad Kredit-i **MESTILAH** berstatus **AKTIF** dan **TIDAK TERTUNGGAK** ketika program ABC ditawarkan.
- vii. Wargakerja Bank Rakyat **TIDAK** layak untuk menyertai program ABC ini.

3: Bagaimana cara untuk menyertai program ABC?

Pemegang Kad tidak perlu mendaftar untuk menyertai program ABC ini kerana program ini hanya ditawarkan kepada Pemegang Kad yang layak.

4: Bagaimanakah mekanisme pelaksanaan program ABC dan bilakah penukaran itu akan berlaku?

Mekanisma pelaksanaan program ABC adalah seperti berikut :

- Pemegang Kad yang layak akan dimaklumkan melalui SMS pada hari ke-5 selepas tarikh akhir bayaran (*grace day period*) penyata kad semasa. Di dalam SMS tersebut, Pemegang Kad akan dimaklumkan mengenai pendaftaran ke program ABC, jumlah baki penukaran, tempoh bayaran ansuran serta kadar keuntungan 13% setahun.
- Pemegang Kad boleh memohon untuk keluar (*opt-out*) daripada program ABC ini dengan menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 dalam masa 30 hari daripada tarikh SMS diterima. Jika tidak, Pemegang Kad dianggap **BERSETUJU** untuk didaftarkan di bawah program ABC ini.
- Selepas tamat tempoh 30 hari, jumlah baki tertunggak prinsipal semasa serta jumlah kadar keuntungan sebanyak 13% setahun akan ditukarkan secara automatik kepada bayaran ansuran bulanan selama 36 bulan. Walaubagaimanapun, untuk penukaran kali pertama, Pemegang Kad diberi tempoh bertenang selama 30 hari lagi untuk keluar (*opt-out*) daripada program ABC tanpa dikenakan sebarang caj.

Nota: Jika baki tertunggak prinsipal semasa kurang daripada RM1,000 ketika penukaran dilaksanakan, Pemegang Kad akan digugurkan daripada program ABC.

➤ Ilustrasi penerimaan SMS oleh Pemegang Kad adalah seperti berikut :

| Tarikh Penyata | Tarikh akhir bayaran | SMS Tawaran : kelayakan untuk program ABC (5 hari selepas tarikh akhir bayaran penyata kad semasa) | Tarikh akhir untuk <i>opt-out</i> (30 hari dari tarikh penerimaan SMS) | Tarikh jumlah baki tertunggak prinsipal ditukarkan ke ansuran bulanan @ 36 bulan (Penukaran KALI PERTAMA) | Tarikh akhir untuk <i>opt-out</i> (30 hari dari tarikh penukaran PERTAMA)* |
|----------------|----------------------|--|--|---|--|
| 10/5/2020 | 30/05/2020 | 05/06/2020 | 04/07/2020 | 05/07/2020 | 05/08/2020 |
| 15/5/2020 | 05/06/2020 | 10/06/2020 | 09/07/2020 | 10/07/2020 | 10/08/2020 |
| 28/5/2020 | 18/06/2020 | 23/06/2020 | 22/07/2020 | 23/07/2020 | 23/08/2020 |

*tempoh ini hanya untuk penukaran kali pertama sahaja.

5: Bagaimanakah pengiraan ansuran bulanan di bawah program ABC?

Jumlah Baki Tertunggak (transaksi runcit dan pengeluaran tunai) = RM5,000
 Tempoh ansuran bulanan = 36 bulan
 Kadar keuntungan = 13% setahun

Pengiraan keseluruhan bayaran minimum bulanan =

[5% x (transaksi runcit + pengeluaran tunai + kadar keuntungan + lain-lain caj (sekiranya ada))] (+) Ansuran bulanan Program ABC (+) Pelan Bayaran Ansuran

| Transaksi | Jumlah (RM) |
|---|-----------------|
| Jumlah Baki Tertunggak (Transaksi runcit dan pengeluaran tunai) | 5,000.00 |
| Jumlah kadar keuntungan* | 1,950.00* |
| Jumlah Baki Tertunggak untuk penukaran ke program ABC | 6,950.00 |
| Bayaran Ansuran bulanan di bawah program ABC @ 36 bulan | 193.06 |
| Pelan Bayaran Ansuran (1) @ 12 bulan (RM2,400) | 200.00 |
| Pelan Bayaran Ansuran (2) @ 6 bulan (RM600) | 100.00 |
| Jumlah keseluruhan bayaran minimum bulanan | 493.06 |

*Pengiraan kadar keuntungan : Jumlah baki prinsipal x kadar keuntungan setahun x 36 bulan
 = (RM5,000 x 13% x 3 tahun)

6: Bolehkah Pemegang Kad memilih untuk keluar (*opt-out*) dari program ABC?

BOLEH. Pemegang Kad boleh memohon untuk keluar (*opt-out*) daripada program ABC dengan menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat di talian 03-2693 6880 dalam masa **30 hari** daripada tarikh SMS diterima. Untuk penukaran kali pertama, Pemegang Kad akan diberi tempoh bertenang selama 30 hari lagi untuk keluar (*opt-out*) daripada program ABC tanpa dikenakan sebarang caj.

7: Bolehkah Pemegang Kad meminta pembatalan pelan ansuran di bawah program ABC selepas tamat tempoh keluar (opt-out) yang diberikan?

BOLEH, walaubagaimanapun, Pemegang Kad dikehendaki untuk membuat pembayaran penuh baki tertunggak **TERMASUK** caj keuntungan semasa di bawah program ABC dengan menghubungi Pusat Kad Bank Rakyat sebelum pembayaran dibuat.

8: Bagaimana sekiranya baki tertunggak prinsipal kurang daripada RM1,000 ketika baki tertunggak prinsipal hendak ditukarkan kepada pelan ansuran di bawah program ABC?

Pemegang Kad akan digugurkan daripada program ABC.

9: Bagaimana jika Pemegang Kad gagal menjelaskan bayaran ansuran bulanan di bawah program ABC?

Jika Pemegang Kad gagal menjelaskan bayaran ansuran bulanan di bawah program ABC, akaun Kad Kredit-i Pemegang Kad akan tertunggak.

Jika Pemegang Kad tidak membuat bayaran atau bayaran kurang daripada bayaran minima yang dipaparkan di dalam penyata bulanan Kad Kredit-i dalam tempoh 3 bulan berturut-turut, program ABC akan terbatal secara automatik. Baki prinsipal di dalam program ABC akan dikenakan caj keuntungan mengikut Tier kadar keuntungan semasa seperti yang dinyatakan di dalam Borang Permohonan dan Helaian Pendedahan Produk.

Pemegang Kad adalah bertanggungjawab untuk memastikan membuat pembayaran **PENUH** bayaran ansuran bulanan ABC yang merupakan sebahagian daripada bayaran minima bulanan seperti yang dinyatakan di dalam penyata bulanan Kad Kredit-i bagi mengelakkan akaun tertunggak. Kegagalan membuat pembayaran minima setiap bulan, akan dikenakan caj ganti rugi (Ta'widh) dan kadar keuntungan seperti yang telah dinyatakan di dalam Borang Permohonan dan Helaian Pendedahan Produk.

10. Sekiranya saya membuat pembayaran melebihi jumlah bayaran ansuran bulanan, adakah ia akan mengurangkan jumlah bayaran ansuran bulanan pada bulan berikutnya?

Bayaran ansuran bulanan di bawah program ABC adalah tetap dan bayaran yang melebihi bayaran ansuran bulanan tidak akan mengurangkan jumlah bayaran ansuran bulanan pada bulan berikutnya. Bank Rakyat akan menganggap bayaran tersebut adalah sebagai lebihan bayaran di dalam akaun Kad Kredit-i yang akan mengurangkan baki semasa daripada transaksi runcit atau tunai.

11. Apakah akan terjadi pada Kad Kredit-i Bank Rakyat selepas Pemegang Kad didaftarkan di bawah program ABC?

Di bawah program ABC ini, Kad Kredit-i Pemegang Kad tidak akan disekat dan kad masih boleh digunakan.

Jumlah baki tertunggak adalah sebahagian daripada had pembiayaan. Pembayaran bulanan akan meningkatkan jumlah had pembiayaan yang boleh digunakan.

12: Adakah Pemegang Kad boleh memilih tempoh bayaran ansuran bagi program ABC ini?

TIDAK. Tempoh bayaran ansuran bagi program ABC ini hanya ditawarkan untuk tempoh 36 bulan **SAHAJA**.



Bank Pilihan Anda

13: Bolehkah Pemegang Kad memohon untuk menyertai Program ABC?

TIDAK. Pemegang Kad tidak boleh memohon untuk menyertai program ABC kerana ia hanya ditawarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad yang menepati kriteria kelayakan seperti yang dinyatakan di dalam Soalan no.2.

14: Apa yang akan berlaku jika Pemegang Kad menaik taraf/menurunkan taraf kad sedia ada?

Tiada implikasi ke atas program ABC dan Pemegang Kad perlu membuat bayaran ansuran bulanan seperti yang telah ditetapkan. Jumlah baki tertunggak di bawah program ABC akan memberi kesan ke atas kenaikan/penurunan had pembiayaan.

15: Apakah akan terjadi sekiranya Pemegang Kad memohon untuk menutup akaun Kad Kredit-i?

Tertakluk kepada pembayaran penuh baki tertunggak (termasuk baki tertunggak di bawah program ABC), akaun Kad Kredit-i dan program ABC akan terbatal serta merta.

16: Dimanakah Pemegang Kad boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan program ini ?

Maklumat lanjut berhubung program ini boleh didapati di:

- a) Laman sesawang Bank Rakyat di www.bankrakyat.com.my
- b) Pusat Kad Bank Rakyat: 03-2693 6880
- c) Pusat Panggilan: 1-300-80-5454